

KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

16 - 31 MEI, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# 'WoodHAVEN'

## mercu baharu taman rimba bandar Seberang Perai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**PADANG LALANG** - 'WoodHAVEN' bakal menjadi mercu baharu taman rimba bandar di Seberang Perai dengan gabungan konsep dua kawasan rekreasi terkenal sedia ada negeri iaitu Taman Bandaraya dan Taman Botani Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM3 juta kepada agensinya, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) untuk membangunkan tanah berkeluasan 6.5 ekar berhampiran hilir Sungai Rambai di sini.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa projek yang bakal melimpah manfaat terbanyak kepada semua kawasan kediaman komuniti di sini dijangka mengambil masa pemajuan kira-kira lapan bulan.

"Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan usaha-usaha penghijauan dan mentransformasikan tempat-tempat awam sebegini agar rakyat dapat menikmati serta memanfaatkan penggunaan infrastruktur yang lebih baik untuk aktiviti riadah dan rekreasi.

"Saya berharap ia (taman rimba bandar 'WoodHAVEN') akan menjadi tempat rekreasi pilihan bukan sahaja kepada penduduk setempat, malah turut menjadi medium untuk penduduk saling berinteraksi antara satu sama lain sekali gus membantu integrasi sosial serta kesejahteraan hidup rakyat," ujarnya yang juga Pengerusi PSDKLPP sempena Majlis Pecah Tanah Projek Penghijauan 'WoodHAVEN' pada 9 April 2022.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa projek 'WoodHAVEN' berkaitan juga merupakan sebahagian usaha Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 iaitu ke arah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Sebelum itu, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata bahawa tapak parkir karavan, ruang interpretasi awam *(tensile membrane)*, alur rimba, *family lawn, terrace seating*, taman permainan kanak-kanak, *tree bank, boardwalk trail, walkway trail*, kawasan barbeku dan tapak perkhemahan merupakan antara kemudahan yang akan diwujudkan di taman rimba bandar 'WoodHAVEN' kelak.

"Saya rasa projek ini adalah sangat sesuai kerana berada berhampiran dengan begitu banyak kawasan taman kediaman.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meneliti ilustrasi grafik WoodHAVEN sambil mendengar penjelasan mengenai konsepnya daripada Zul Kahar Khamis (berbaju putih) pada majlis pecah tanah projek penghijauan berkaitan di sini baru-baru ini.



KAWASAN yang bakal dibangunkan dan dijangka mengambil masa pemajuan kira-kira lapan bulan.

"Saya berharap penduduk sekitar khasnya kanak-kanak di Desa Wawasan dapat menghargai kemudahan baharu ini," jelasnya yang juga ADUN Padang Lalang.

Tambah Chong Eng, cadangan mewujudkan semua komponen dan kemudahan tersebut adalah hasil daripada maklum balas awam secara bersemuka yang diadakan sebelum ini dengan melibatkan kumpulan tumpu bincang, di bawah program 'HabaqMai'.

"Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng dan JPWK (Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga) di sini kerana terlibat menjayakan program 'HabaqMai' pada 28 Mac 2021 secara semuka serta secara dalam talian pada 16 April 2021," ulasnya.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad dan Pengarah Eksekutif PSDKLPP, Zul Kahar Khamis merupakan antara pemimpin Kerajaan Negeri yang menyertai acara pecah tanah projek taman rimba bandar 'WoodHAVEN' berkenaan.

# Cemerlang dalam akademik dan sukan

**MEREKA** bukan sahaja cemerlang dari segi akademik sehingga berjaya diterima masuk ke universiti berprestij dunia, malah dua pelajar kelahiran Pulau Pinang ini turut bersinar dalam arena sukan.

Kedua-kedua pelajar berkenaan ialah **ISHANT SHAH** yang sedang melanjutkan Program Matrikulasi Antarabangsa Canadian (CIMP) di *Sunway College* berjaya ke Universiti Harvard manakala **TEOH LIYEN** pula bakal mengikuti program sarjana muda *Science in Engineering* di Universiti Princeton.

Lebih membanggakan lagi apabila kedua-dua pelajar berkenaan turut bersinar dalam arena sukan skuasy dan berjaya memenangi beberapa pingat emas ketika mewakili negara ke pertandingan pada peringkat antarabangsa.

Kejayaan ini pastinya memberikan kegembiraan berganda bukan sahaja kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) malah juga buat Persatuan Skuasy Pulau Pinang khasnya.

Baru-baru ini, mereka turut menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang masing-masing berjumlah RM3,000 yang disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sebagai pengiktirafan atas pencapaian cemerlang tersebut.

Wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** baru-baru ini berkesempatan menemu bual kedua-dua pelajar berkenaan untuk mengetahui rahsia di sebalik kejayaan yang dikecapi mereka seterusnya memberikan inspirasi kepada ribuan remaja lain di luar sana.

## Liyen mahu terus aktif dalam skuasy

Liyen, 20, memberitahu bahawa beliau kini sedang menjalani latihan fizikal dan akan menyertai beberapa pertandingan skuasy sebelum menyambung pengajian di Universiti Princeton pada Ogos ini.

Walau bagaimanapun menurut beliau, kemasukan ke universiti berprestij itu tidak akan menghalangnya untuk meneruskan latihan bagi meningkatkan lagi prestasi dalam sukan skuasy.

"Universiti Princeton mempunyai pasukan skuasy yang hebat dengan pusat latihan yang serba lengkap, jadi sebagai seorang atlet, saya boleh teruskan latihan untuk meningkatkan prestasi selepas masuk ke sana nanti.

"Sekarang pun saya sedang menjalani latihan fizikal sejurus selepas menamatkan Program A-Level pada bulan Mei tahun lepas," katanya yang mula menyertai sukan skuasy sejak berumur lapan tahun.

Liyen merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Ling Butterworth dan pernah mewakili Pulau Pinang ke temasya Sukan Malaysia (SUKMA) pada 2018 di Perak serta kini merupakan atlet di bawah skuad SUKMA Pulau Pinang.

Antara pencapaian cemerlang beliau dalam arena skuasy adalah pingat emas bagi acara berpasukan Sukan Sekolah ASEAN 2018 Ke-10, pingat perak kejohanan *Ohana National Squash Championship 2019* dan pingat emas Kejohanan Tertutup Skuasy Pulau Pinang 2021.

## Bahagi masa antara pelajaran dan sukan

Bercerita lanjut, Liyen mengakui bahawa agak sukar untuk mengekalkan prestasi dalam bidang akademik kerana pada masa sama, beliau perlu menjalani latihan skuasy secara berkala.

"Saya selalu juga tidak sempat hadir ke kelas kerana perlu menjalani latihan dan menyertai beberapa kejohanan pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

"Saya berlatih selama tiga jam sehari dan perlu meluangkan masa enam hari seminggu untuk jalani latihan… jadi saya memang kesempitan masa untuk menyelesaikan kerja sekolah di rumah.

"Biasanya selepas tamat waktu sekolah, saya akan terus ke Pusat Latihan Skuasy Antarabangsa Nicol David dan saya akan mandi, makan serta menyelesaikan kerja rumah di sana… boleh dikatakan pusat latihan adalah rumah kedua saya," jelasnya lanjut.

Oleh itu, Liyen mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang sentiasa memahami dan rakan-rakan sekelas yang selalu meminjamkan nota pelajaran agar beliau tidak ketinggalan dalam pelajaran.

"Untuk sampai ke peringkat ini, saya terpaksa mengorbankan banyak perkara termasuk meninggalkan aktiviti persatuan di sekolah yang saya sertai sebelum ini, tidak dapat menghadiri majlis hari jadi rakan-rakan sekelas dan banyak lagi," ujarnya.

## Sokongan ibu bapa

Dalam apa jua situasi, peranan ibu bapa sangat penting bagi membantu anak-anak mencapai kejayaan cemerlang sama ada dalam bidang akademik, sukan mahupun lain-lain.

Bagi Liyen, beliau bertuah kerana mempunyai seorang ibu yang sanggup berkorban dan sentiasa menyokong perjalanan hidup beliau sebagai seorang pelajar dan juga atlet.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu saya kerana sentiasa ada bersama saya sepanjang 12 tahun ini," ucapnya.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, **LIM BEE LING** yang turut hadir semasa sesi wawancara menyatakan bahawa perjalanan selama 12 tahun menguruskan anaknya, Liyen merupakan waktu yang sangat menyeronokkan.

"Selama 12 tahun, saya sibuk menghantar anak saya ke sekolah dan pusat latihan… tetapi tidak tepat untuk mengatakan yang saya terpaksa berkorban kerana bagi saya semua proses ini sangat berharga.

"Cuma kadangkala pening juga kepala kerana saya perlu memikirkan mengenai menu berbeza setiap hari untuk makanan tengah hari Liyen bagi memastikan pemakanan dia terjaga.

"Namun, saya sangat bersyukur kerana dari aspek lain, pusat latihan mempunyai semua kelengkapan yang diperlukan dan ini membantu menyelesaikan banyak masalah.

"Kemudahan yang serba-serbi lengkap di pusat latihan membolehkan anak saya membuat kerja rumah, membersihkan diri dan makan dalam persekitaran yang selesa," katanya yang merupakan seorang suri rumah tangga sambil mengukir senyuman mesra.

## Ishant berhasrat jadi atlet skuasy terkemuka

Ishant, 19, yang juga pemain skuasy kebangsaan menegaskan bahawa kemasukan ke Universiti Harvard tidak akan membantutkan impiannya untuk menjadi seorang pemain skuasy terbaik dunia.

Beliau yang mula menyertai sukan skuasy seawal usia lima tahun atas faktor minat kemudian membuat keputusan untuk menjalani latihan secara serius di akademi (skuasy) pada umur 7 tahun.

"Dalam proses untuk bergelar atlet, saya sering berdepan dengan masalah kecederaan sehingga ada ketika saya tidak dapat beraksi dalam beberapa kejohanan berprestij.

"Kecederaan pertama yang saya alami adalah semasa menyertai Kejohanan Terbuka British pada tahun 2020 yang mana pada masa itu saya berumur 17 tahun.

*(Sambungan di muka 3).*



TEOH Liyen ditemani ibunya, Lim Bee Ling semasa wawancara khas baru-baru ini.



ISHANT Shah bersama ibunya, Bharathi Suresh Chand.

(Sambungan dari muka 2).

# Anak Pulau Pinang ke Harvard, Princeton

"Saya kembali pulih sepenuhnya pada awal 2019 dan kembali menyertai Kejohanan Skuasy Terbuka Remaja Antarabangsa REDtone Kuala Lumpur.

"Namun, saya anggap ini semua sebagai satu cabaran dalam proses untuk menjadi atlet terbaik negara dalam arena skuasy," ulasnya sambil menambah bahawa Kejohanan Skuasy Remaja KL REDtone 2013 merupakan yang pertama disertainya sejak bergelar atlet.

### Low Wee Wern jadi sumber inspirasi

Ishant yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jambul menyatakan bahawa pemain skuasy wanita nombor satu negara, Low Wee Wern merupakan individu yang banyak memberikan inspirasi kepada beliau untuk menjadi atlet cemerlang pada hari ini.

"Beliau banyak memberi galakan dan tunjuk ajar kepada saya untuk membantu meningkatkan lagi prestasi dalam sukan ini," katanya yang bakal menamatkan pengajian CIMP pada Jun ini.




KETUA Menteri menyerahkan cek replika kepada tiga pelajar cemerlang dan waris berkaitan pada majlis khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

Antara pencapaian tertinggi Ishant dalam sukan skuasy adalah memenangi pingat emas bagi acara berpasukan Sukan Sekolah ASEAN 2018 Ke-10 dan acara Lelaki Bawah 17 Tahun Kejohanan Remaja Terbuka HCL India (2019), pingat perak dalam acara Lelaki Bawah 17 Tahun Kejohanan Terbuka British (2020) serta mewakili negeri Pulau Pinang dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) pada 2016.

### Beri kepercayaan sepenuhnya

Sementara itu, ibu kepada Ishant, **BHARATHI SURESH CHAND** menyatakan bahawa beliau sendiri turut belajar banyak perkara sepanjang mengikuti perjalanan karier anaknya sebagai atlet kebangsaan.

"Ini termasuk dari segi pengurusan emosi serta komunikasi, hubungan ibu bapa dengan anak-anak, gaya hidup sihat dan sebagainya," jelasnya.

Beliau berkata, proses latihan yang perlu dijalani anaknya bukanlah sesuatu yang mudah tetapi beliau meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada jurulatih yang disifatkannya sebagai sangat profesional.

"Sebagai ibu bapa, adalah penting untuk kita memberi sokongan serta dorongan tanpa had kepada anak-anak selain perlu memberikan ruang kepada anak-anak meneroka minat mereka.

"Ibu bapa tidak sepatutnya menghalang minat anak-anak atau mewajibkan mereka mematuhi semua kehendak kita, sebaliknya kita juga perlu banyak mendengar apa yang mereka mahukan.

"Dalam soal latihan pula, saya memang serah dan beri kepercayaan sepenuhnya kepada jurulatih anak saya tanpa sedikit pun campur tangan," ujarnya.

Tambah Barathi, sebagai seorang atlet, anaknya perlu sentiasa menjaga gaya hidup sihat dan tabiat pemakanan.

"Saya memang beri kerjasama sepenuhnya dalam aspek ini untuk memastikan dia mendapat nutrisi yang seimbang yang penting untuknya bagi mengekalkan stamina," katanya mengakhiri bicara.

# Isu penempatan berlarutan 40 tahun hampir selesai

**BUKIT TAMBUN -** Isu penempatan semula penduduk Kampung Baru dekat Simpang Ampat, di sini yang berlanjutan sejak sekian lama hampir selesai apabila projek pembinaan rumah pangsa yang dirancang bakal bermula tidak lama lagi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa satu blok rumah pangsa setinggi 20 tingkat yang terdiri daripada 208 unit akan dibangunkan di atas tanah lapang bersebelahan Masjid Jamek Al-Ihsaniah Simpang Ampat bagi menempatkan keluarga yang terlibat.

"Saya percaya projek yang dinanti-nantikan ini akan menyelesaikan isu penempatan penduduk Kampung Baru yang berlarutan begitu lama.

"Adalah diharapkan pihak pemaju dapat memulakan projek ini secepat mungkin kerana penduduk yang terlibat telah menunggu sudah begitu lama.

"Namun saya percaya, sebagai syarikat pemaju yang terkenal, GUH Development Sdn. Bhd. dapat menunaikan tanggungjawab mereka untuk menyediakan rumah pangsa sebagaimana yang dirancang dalam kadar segera," katanya dalam Majlis Buka Puasa Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tambun dekat Masjid Jamek Al-Ihsaniah pada 16 April lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pengarah GUH Development Sdn. Bhd., Datuk Seri Kenneth H'ng Bak Tee; Pengerusi Masjid Jamek Al-Ihsaniah, Anuar Aziz dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru, Noor Izhar Mohd. Nor.

Kon Yeow berkata, beliau percaya ADUN dan Ahli Parlimen kawasan berkaitan akan memantau projek berkenaan sehingga siap sepenuhnya, dan diserahkan kepada penduduk-penduduk yang terlibat.

"Terima kasih kepada YB Goh Choon Aik, Ahli Parlimen Batu Kawan, MPKK Kampung Baru dan jawatankuasa kariah masjid (Al-Ihsaniah) kerana berjaya menyelesaikan isu penempatan semula Kampung Baru ini," ujarnya.

Sementara itu, Choon Aik menyatakan bahawa sebanyak 140 keluarga dari Kampung Baru Simpang Ampat telah menandatangani surat penjanjian dengan pihak pemaju untuk menerima seunit rumah sebagai pampasan.

Beliau berkata bahawa sebanyak 22 keluarga yang merupakan penduduk asal di kawasan berkenaan turut ditawarkan seunit rumah dengan harga RM42,000.

"Ini bermakna 162 penempatan sedia ada telah selesai sepenuhnya.

"Selain itu, sebanyak 26 keluarga yang tidak menandatangani surat perjanjian dengan pihak pemaju juga telah mendapat pampasan dari segi wang ringgit sebanyak RM25,000 hingga RM42,000.

"Semua pampasan telah dibayar dan kawasan setinggan yang ada telah dibuka," ujarnya sambil menambah bahawa persetujuan tersebut berjaya dicapai pada Ogos 2018 setelah berlanjutan selama 40 tahun.

Mengulas lanjut, Choon Aik menjelaskan bahawa Permohonan Kebenaran Merancang bagi projek berkenaan telah dikemukakan oleh pihak pemaju kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 8 Disember 2021.

"(Dan) pada 14 April lalu, pihak pemaju telah pun mendapat kelulusan pelan pecah sempadan daripada pihak MBSP.

"Dengan kelulusan ini, pihak pemaju perlu mengemukakan pelan pecah tanah kepada Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Selatan, dan seterusnya akan dipertimbangkan kelulusan pada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Selepas mendapat kelulusan pelan pecah sempadan daripada MBSP, pihak pemaju seterusnya boleh mengemukakan pelan bangunan dan kerja-kerja tanah.

"Saya difahamkan, pihak Majlis akan ambil masa 38 hari untuk mempertimbang dan meluluskan pelan bangunan," jelasnya lanjut.

Oleh itu, tambah Choon Aik, projek pembinaan rumah pangsa berkenaan dijangka mengambil masa kira-kira 36 bulan untuk disiapkan.

"Jadi dalam masa tiga tahun lagi, penduduk akan mendapat kunci dan semua perkara yang telah dijanjikan oleh pihak pemaju dalam perjanjian yang telah ditandatangani sebelum ini.

"Memandangkan pembangunan projek ini dibangunkan di atas tanah lapang bersebelahan masjid (Al-Ihsaniah), maka penduduk tidak akan diarahkan berpindah sehingga rumah yang dijanjikan siap sepenuhnya dan kunci rumah baru diserahkan kepada mereka," ujarnya lagi.

# Sumbangan hadiah kemenangan demi keperluan komuniti

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**


**KETUA Menteri dan wakil-wakil berkaitan pada majlis sumbangan beberapa peralatan kepada masjid-masjid sekitar KADUN Padang Kota di sini baru-baru ini.**

**PADANG KOTA -** Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Lebuh Chulia baru-baru ini menyumbangkan beberapa peralatan keperluan kepada masjid-masjid sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota bersempena sambutan Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak berkaitan yang menggunakan hadiah dimenangi dalam Pertandingan Komuniti Hijau COVID-19 2021 peringkat kebangsaan demi keperluan komuniti setempat.

"Sekalung tahniah kepada MPKK Lebuh Chulia yang berjaya memperoleh tempat pertama dalam pertandingan anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) baru-baru ini.

"Hasil kemenangan diperoleh adalah berjumlah RM50,000 yang mana ia digunakan sejajar usaha murni MPKK (Lebuh Chulia) termasuk menyumbangkan beberapa peralatan diperlukan pihak-pihak masjid sekitar sini," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada Majlis Sumbangan MPKK Lebuh Chulia di sini pada 27 Mac lalu.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut merasmikan pembukaan Bilik Gerakan MPKK Lebuh Chulia yang baru sahaja siap dibina.

"Ekoran kemenangan yang diperoleh, MPKK Lebuh Chulia telah merealisasikan impian mereka untuk mendirikan bilik gerakan sendiri.

"Setelah membuat lawatan, saya amat berpuas hati dengan gerak kerja yang telah dilaksanakan dan hanya berbaki beberapa pemasangan yang bakal dijalankan, syabas diucapkan," jelasnya sambil berharap lebih banyak program bermanfaat bakal digerakkan selepas ini.

Turut hadir, Pengerusi MPKK Lebuh Chulia, Lily Oh dan Setiausahanya, Lily Wong.

Dalam pada itu, Lily Wong turut berkongsi butiran sumbangan serta peruntukan diterima sebagai penambahbaikan infrastruktur sedia ada.

"Sebanyak enam set penyejuk udara disumbangkan kepada Masjid Kapitan Keling; Masjid Alimsah Waley (sebuah set televisyen) dan Masjid Benggali (sebidang karpet untuk tujuan musyawarah serta kemudahan golongan wanita bersolat).

"Di samping itu, saya juga ingin berterima kasih kepada Penghulu dari Daerah Timur Laut kerana telah menyumbang idea untuk membaik pulih longkang di hadapan bilik gerakan ini, serta berjaya memperoleh peruntukan daripada MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) sebanyak RM39,950," ulasnya sambil menekankan bahawa pembinaan bilik gerakan tersebut tidak akan berjaya tanpa bantuan serta sokongan daripada semua pihak.

1 CITY

LOT KOMERSIAL 2 TINGKAT

LOKASI YANG STRATEGIK

1-CITY terletak di kawasan strategik berhampiran menuju Highway Utara-Selatan (PLUS) dan kawasan industri serta dijalinkan dengan bandar besar seperti Bukit Mertajam, Butterworth dan Kulim.



HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

LOT KOMERSIAL
2 TINGKAT

Harga Jualan:
RM808,000 (Min.)~RM2,080,000 (Mak.)

Luas Tanah:
1258.30kps (Min.)~4714.05kps (Mak.)

Luas Binaan:
1131.83kps (Min.)~2745.23kps (Mak.)




GPS: 5°18’42.394”N 100°26’28.643”E

PEMAJU:
WORLD CORPORATE

WORLD CORPORATE CONSTRUCTION SDN. BHD. (1149876-T)
1797-1-8, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan Juru Interchange, 13600 Prai, Penang. **T**: 04-507 8980/507 8981 • **E**: loyal188@gmail.com

• Jumlah unit: 42 unit • No. kelulusan pelan bangunan: MPSP/40/20-43/42 • Tarikh dijangka siap: Sep 2022 • Pihak berkuasa yamg meluluskan pelan bangunan: MPSP • Semua pelan, spesifikasi, ukuran dan informasi yang tertera di sini adalah tertakluk kepada variasi, perubahan dan gantian seperti mana yang dicadangkan oleh pihak berkuasa atau konsultant- konsultant project tanpa notis. Segala gambaran yang tercetak di sini adalah ilustrasi artis sahaja. * Tertakluk kepada syarat-syarat

# Projek Suria 2 jangka mula Disember

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BUKIT TAMBUN -** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan memulakan kerja-kerja pemajuan projek perumahan Suria 2 pada Disember tahun ini juga.

Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Aziz Bakar memberitahu bahawa Suria 2 meliputi kawasan pemajuan seluas 7.48 ekar yang mana ia merupakan sebahagian daripada 25 fasa projek pembangunan perumahan yang dirancang di bawah agensi negeri tersebut.

Menurut beliau, 25 fasa projek pembangunan perumahan masa depan PDC adalah meliputi tanah berkeluasan kira-kira 200 ekar.

"Kami (PDC) telah merancang untuk membina sejumlah 11,800 unit rumah mampu milik (RMM) pelbagai jenis dalam semua fasa tersebut.

"Bagi Suria (di bawah fasa dua), pembinaan adalah melibatkan sejumlah 520 unit kediaman.

"Daripada 520 unit kediaman tersebut, 371 unit adalah Jenis C, manakala 149 adalah Jenis B.

"Dan, kami (PDC) sedang melihat bagaimana untuk menyiapkan projek (Suria 2) tersebut dalam tempoh tiga tahun




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Suria 2 di sini baru-baru ini.**

dengan anggaran kira-kira RM102 juta untuk kerja-kerja pembinaan," jelasnya sejurus Majlis Pecah Tanah Projek Suria 2 di Batu Kawan dekat sini pada 9 April 2022.

Difahamkan, Suria 1 merupakan projek perumahan fasa 1 yang telah siap sepenuhnya di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang berucap sebelum itu antara lain memuji kegigihan PDC dalam merancang, melaksanakan serta membekalkan RMM di Batu Kawan.

"Sebagaimana diketahui umum bahawa Batu Kawan merupakan sebuah bandar yang mempunyai segala-galanya, daripada aspek pembangunan komersial, kediaman dan institusi sehingga Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) yang kian membangun pesat.

"Seluruh pasukan bekerja keras untuk menambah nilai kepada projek pembangunan masa depan bandar Batu Kawan sebagai bandar serba lengkap buat (penduduk) Pulau Pinang.

"Walaupun menempuhi tempoh sukar (sebelum ini yang diakibatkan oleh pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan, PKP), saya percaya COVID-19 turut membuka peluang dan ruang untuk dipacu pembangunan Batu Kawan kemudiannya.

"Kita akan terus melaksanakan tanggungjawab kita dalam membekalkan unit kediaman RMM, cukup untuk keperluan rakyat Pulau Pinang," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Berucap pada majlis sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo pula memberitahu bahawa sektor perumahan negeri dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini berkembang begitu pesat.

"PDC, sebagai agensi Kerajaan Negeri yang berpengalaman luas dalam sektor hartanah telah banyak menyumbang kepada pembangunan projek RMM di Pulau Pinang.

"Terbaru, projek Suria 2 adalah satu lagi contoh bahawa (Kerajaan) Negeri hari ini begitu mengambil berat terhadap kesejahteraan rakyat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Memperincikan mengenai Suria 2, Jagdeep menyatakan bahawa RMM Jenis C1 ditawarkan pada harga RM72,500 seunit dengan luas lantai 800 kaki persegi; manakala Jenis C2 dengan luas lantai 1,000 kaki persegi pada harga RM220,000 seunit.

Tambah Jagdeep, unit kediaman Jenis B dalam Suria 2 dengan luas lantai 900 kaki persegi ditawarkan pada harga RM168,000 seunit.

VILA ASTER

HAKMILIK KEKAL





| | RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT | | |
|---|---|---|---|
| | JENIS A | JENIS B | JENIS C |
| Keluasan Petak Tanah: | 229 mp (min) - 365 mp (max) | 217 mp (min) - 355 mp (max) | 294 mp (min) - 403 mp (max) |
| Keluasan Binaan: | 253 mp (min) - 253 mp (max) | 233 mp (min) - 233 mp (max) | 274 mp (min) - 274 mp (max) |
| Harga Jualan: | RM808,000 (min) - RM946,000 (max) | RM788,000 (min) - RM1,118,000 (max) | RM928,000 (min) - RM998,000 (max) |
| Bilangan Unit: | 32 Unit | 58 Unit | 2 Unit |





| | RUMAH TERES 2 TINGKAT | | RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT |
|---|---|---|---|
| | JENIS A | JENIS B | |
| Keluasan Petak Tanah: | 115 mp (min) - 294 mp (max) | 115 mp (min) - 282 mp (max) | 526 mp (min) - 526 mp (max) |
| Keluasan Binaan: | 200 mp (min) - 251 mp (max) | 199 mp (min) - 249 mp (max) | 470 mp (min) - 470 mp (max) |
| Harga Jualan: | RM678,000 (min) - RM1,065,000 (max) | RM678,000 (min) - RM851,000 (max) | RM1,178,000 (min) - RM1,178,000 (max) |
| Bilangan Unit: | 117 Unit | 45 unit | 1 unit |

**PALMINGTON SDN BHD (892241-W)**
12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 Fax : 04-324 0090 Email: tilb@tambunindah.com

No. Lesen Pemaju: 11882-16/07-2022/0391(L) Tempoh Sah : 08/07/2020 - 07/07/2022
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-16/07-2022/0391(P) Tempoh Sah : 08/07/2020 - 07/07/2022
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MBSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MBSP/40/20-75/74
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : Mei 2024
Jenis Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : Tiada
Sekatan Kepentingan : Tiada

Bilangan Unit:
- Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis A) - 32 unit
- Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis B) - 58 unit
- Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis C) - 2 unit
- Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A) - 117 unit
- Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B) - 45 unit
- Rumah Sesebuah 2 Tingkat - 1 unit

**5% Diskaun Untuk Bumiputera**

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

# Tukar tanah terbiar jadi



CILI yang sedia untuk dituai.

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang sememangnya berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak hab kebun komuniti berkonsepkan pertanian bandar kelak sebagai langkah terbaik mengawal kos sara hidup yang kian meningkat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri sebelum ini menyatakan bahawa inisiatif projek kebun komuniti dalam sektor pertanian dilihat mempunyai prospek yang sangat cerah untuk dimajukan melalui adaptasi suntikan kepakaran serta teknologi baharu.

Menyahut seruan tersebut, **NORHISHAM AHMAD**, 47, mengambil langkah mengusahakan tanaman cili secara bertingkat di atas tanah lot terbiar berhampiran kediamannya sejak Oktober tahun lepas.

Ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini, beliau memberitahu bahawa dirinya mula mengusahakan kebun cili tersebut secara kecil-kecilan untuk memenuhi masa terluang dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP2.0).

"Pada masa sama, saya juga sedang berusaha untuk menambah pendapatan keluarga yang mana sebelum ini kami hanya bergantung kepada hasil daripada sawah padi milik keluarga yang diusahakan sejak berpuluh tahun lalu.

"Sekarang harga barang terutamanya makanan semakin meningkat, jadi kami memang memerlukan sumber pendapatan alternatif untuk menampung perbelanjaan seharian," katanya.

Norhisham memberitahu bahawa beliau memilih untuk mengusahakan tanaman cili jenis 'Kulai 461' ekoran minat yang mendalam terhadap tanaman tersebut.

"Selain itu, cili jenis ini juga mendapat permintaan dan harga yang tinggi di pasaran," jelasnya lagi sambil memberitahu bahawa kebun cili tersebut diusahakan bersama seorang lagi abangnya.

## Sistem fertigasi

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa tanaman cili yang diusahakan adalah menggunakan sistem fertigasi memandangkan keluasan tanah yang agak terhad.

"Saya mendapat nasihat daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang untuk menggunakan sistem fertigasi kerana sistem ini tidak memerlukan kawasan yang luas dan sesuai dengan saiz tanah yang saya ada.

"Selain itu, sistem ini juga akan menghasilkan cili berkualiti, tahan lama dan mampu mengeluarkan hasil berkali ganda berbanding yang ditanam menggunakan kaedah konvensional.

"Paling penting adalah tanaman ini perlu diberikan vitamin tambahan untuk memastikan cili cepat membesar dan tidak rosak.

"Tambahan pula, saya menggunakan sabut kelapa menggantikan tanah bagi tanaman cili ini untuk mengurangkan penyakit dan mengelakkan serangan serangga perosak," ulasnya.

Mengulas lanjut, Norhisham memberitahu bahawa kos permulaan untuk membangunkan kebun cili bertingkat tersebut adalah kira-kira RM4,000 termasuk membeli benih cili dan vitamin tambahan.

"Kebanyakan peralatan lain seperti sistem perpaipan yang membolehkan tanaman cili disiram secara automatik,

*(Sambungan di muka 7).*





**EKAR &HEKTAR SDN BHD** (444909-V)
*(Member of Harta Intan Group of Companies)*
No. 170-09-08, Livingston Tower, Jalan Argyll, 10050 Penang
Tel No.: 04-3710 263 • Fax No. : 04-2287 163
Email : sales@hartaintan.com
Website : www.hartaintan.com

No Lesen pemaju: 13465-1/09-2022/02882(L) Tempoh Sah: 22-09-2021 hingga 21-09-2022
No Permit Iklan dan Jualan:13465-1/09-2022/02882(P) Tempoh Sah: 22-09-2021 hingga 21-09-2022
No Kekulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-53/5
Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Seberang Perai
Bridging Financer: AMbank Berhad • 5 % Diskaun Untuk Bumiputera • Tarikh Dijangka Siap: Januari 2021
Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal • Harga minima: RM 473,000.00
Harga maksima: RM 912,500.00 • Komuniti Berpagar • Jumlah Unit: 52 unit

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
Bahagian Perumahan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 20, KOMTAR , 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242/6505 244
Fax: 04-2622 904

*(Sambungan dari muka 6).*

# kebun CILI bertingkat

polibeg dan tangki air adalah bantuan daripada pihak Jabatan Pertanian (Negeri Pulau Pinang).

"Saya buat kebun cili bertingkat ini pun sebab syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian untuk menerima bantuan adalah saya perlu tanam minimum 400 pokok.

"Oleh itu, saya hasilkan sistem penanaman cili dua tingkat yang mengandungi enam baris untuk mencukupkan jumlah yang ditetapkan itu.

"Dengan keluasan ini, saya telah berjaya menuai hasil cili sebanyak 870 kilogram (kg) sejak mula ditanam sehingga kini," ujarnya sambil memberitahu bahawa hasil yang diperoleh akan dijual kepada peniaga dan pemborong kecil-kecilan di sekitar Penaga dengan harga bermula RM12 mengikut gred cili iaitu A, B, C dan D.

Tambah beliau, walaupun mampu mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat iaitu kira-kira dua bulan untuk tuaian pertama, namun penanaman cili sebenarnya memerlukan penjagaan yang sangat rapi.

**Rancangan masa depan**

Ditanya mengenai perancangan masa depan, Norhisham lantas memberitahu bahawa beliau kini sedang mencari tapak yang sesuai untuk meluaskan lagi kebun cili yang diusahakannya itu.

"Sekarang hasil yang diperoleh tidak mampu menampung permintaan terhadap cili jenis ini di pasaran yang semakin tinggi.

"Oleh itu, saya berharap agar pihak Jabatan Pertanian dapat menyewakan tanah milik mereka kepada saya untuk dijadikan tapak tanaman cili sekali gus meluaskan lagi kebun sedia ada.

"(Dan) kalau berjaya, saya juga mempunyai impian untuk mewujudkan pusat latihan bagi penanaman cili di kebun baharu itu nanti.



**KEBUN cili bertingkat menggunakan sistem fertigasi yang diusahakan.**

"Selain teknik penjagaan tanaman, pusat latihan itu juga boleh dijadikan platform untuk saya berkongsi ilmu mengenai cara penghasilan baja organik sendiri menggunakan ikan laut," ujarnya.

Mengakhiri bicara, Norhisham menjemput mana-mana pihak yang berminat mempelajari teknik penanaman cili bertingkat menggunakan sistem fertigasi untuk datang sendiri ke kebun beliau.

Selain itu, mereka yang mahu mendapatkan cili segar dari kebun juga boleh hadir atau hubungi beliau di talian 013-290 6071.




**NORHISHAM Ahmad menunjukkan sabut kelapa yang digunakan.**





# PDC teroka pastikan perindustrian kekal

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SEJAK** ditubuhkan pada tahun 1971, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) terus memainkan peranan penting dalam mentransformasikan pembangunan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri perindustrian yang mampan dan berdaya tahan.

Selepas lebih lima dekad, PDC yang pernah diterajui oleh empat Ketua Menteri dan lapan mantan Pengurus Besar tekad meneruskan prestasi cemerlang di bawah kepimpinan baharu, **AZIZ BAKAR** yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada Januari 2022.

Ketika ditemui Buletin Mutiara sempena wawancara khas baru-baru ini, Aziz yang telah berkhidmat dengan PDC selama 32 tahun berkata bahawa fokus beliau kini adalah untuk memastikan agensi itu kekal relevan sebagai pemangkin utama pembangunan negeri Pulau Pinang.

"Fungsi teras PDC tidak boleh lari daripada pembangunan sektor industri yang mana kami perlu kreatif dalam membuat perubahan supaya pembangunan perindustrian terus mampan, berdaya saing dan pada masa sama memberikan pulangan baik.

"Banyak cabaran perlu dihadapi terutama dari segi kekangan tanah, kos perniagaan semakin meningkat serta persaingan yang begitu hebat kini.

"Oleh itu, PDC mesti merangka satu model pembangunan lestari yang mampu menarik pelabur-pelabur seperti mewujudkan taman perindustrian baru berkonsepkan hijau dan pintar," katanya.

Menurut Aziz, PDC sedang merangka dan berusaha ke arah mewujudkan taman perindustrian yang pintar serta berteknologi tinggi dengan jaringan infrastruktur terbaik bagi capaian internet 5G.

"Selain itu, untuk menyokong kelestarian sektor perindustrian, PDC telah merancang perumahan pekerja yang mencapai piawaian antarabangsa.

"Semua ini merupakan pendekatan baru yang akan diterokai oleh PDC selari dengan aspirasi dunia ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan *Environmental Social and Governance* (ESG).

"Konsep baru ini diyakini dapat meningkatkan daya saing bagi menarik pelaburan dan menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan para pelabur sama ada dari luar negara mahupun domestik.

"Saya juga yakin bahawa perancangan kawasan perindustrian yang komprehensif sebegini belum dilaksanakan oleh mana-mana pihak," katanya yang merupakan anggota bagi Pertubuhan Perancang Malaysia.

## Model pembangunan baru

Seiring dengan kos perniagaan yang semakin meningkat, PDC perlu meneroka idea-idea serta pendekatan baru bagi memastikan kelestarian operasi dan peranannya dalam arena pembangunan ekonomi negeri.

Bagi mencapai matlamat itu, kata Aziz, PDC sedang merancang untuk membangunkan bandar-bandar baru perindustrian dengan tumpuan utama ketika ini diberikan kepada pembangunan Bandar Cassia dekat Batu Kawan.

**"Bandar Cassia direncanakan sebagai bandar perubatan teknologi tinggi yang menjadi titik tumpuan perkhidmatan perubatan bukan sahaja bagi negeri Pulau Pinang malah juga untuk Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) serta ASEAN.**

**"Kawasan ini akan dibangunkan dengan konsep tersendiri iaitu mengintegrasikan komponen hab perubatan seperti hospital pakar, rumah persaraan, pusat rehabilitasi, kolej perubatan, pembangunan dan penyelidikan (R&D) dan sebagainya.**

**"Bagi tujuan itu, PDC kini sedang giat berbincang dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Institut Jantung Negara (IJN) untuk membangunkan hospital awam serta hospital pakar swasta di Bandar Cassia.**

"Kita cadangkan model pembangunan hibrid yang mana PDC akan membina bangunan dan memberi pajakan kepada pihak berkenaan untuk menjalankan operasi.

"Matlamatnya adalah kita mahu jadikan bandar perindustrian baru ini berbeza daripada bandar-bandar lain yang sedia ada di Pulau Pinang," ulasnya sambil menambah bahawa *Columbia Specialist Hospital* telah pun mengesahkan kehadiran di Bandar Cassia kelak.

Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa usaha membangunkan bandar baru bukan mudah kerana ia memerlukan perancangan yang sangat teliti bagi mengelakkan PDC berdepan kerugian dalam jangka masa panjang.

"Sejak tahun 2000, kita dapati bahawa PDC tidak boleh lagi kekal dengan model lama kerana kos untuk menjalankan perniagaan sentiasa meningkat termasuk harga dan kos pengambilan tanah.

"Kalau dahulu, semasa saya bekerja pada zaman Dato' Seri Chet Singh (Pengurus Besar PDC yang pertama), apapun projek yang kita laksanakan, kita tidak pernah ada elemen rugi cuma margin keuntungan sahaja ada turun dan naik.

"Berbeza dengan sekarang yang mana PDC boleh berdepan dengan kerugian jika tidak ada perancangan yang rapi dalam projek pembangunan terutamanya bagi sektor perindustrian.

"Semasa kita bangunkan Batu Kawan pada tahun 1990, kos pengambilan tanah (6,000 ekar) adalah dalam lingkungan RM1 untuk satu kaki persegi tetapi kini meningkat kepada kira-kira RM20 hingga RM25.

"Walaupun berdepan dengan trend kos semakin meningkat, namun PDC tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan harga (tanah) bagi sektor industri secara mendadak kerana kita berdepan dengan banyak persaingan dari pelbagai negara dan negeri ketika ini.

"Jadi, kita perlu kekalkan harga bagi menarik kemasukan para pelabur ke negeri ini, dan kerugian yang ditanggung PDC perlu ditampung dengan pembangunan lain bagi m-engekalkan aliran tunai," katanya.

Bagi memastikan operasi PDC kekal mampan, Aziz menyatakan bahawa pihaknya telah mengemukakan beberapa cadangan kepada Kerajaan Negeri termasuk membenarkan agensi itu menguruskan taman-taman perindustrian baru.

"Kerajaan Negeri pula perlu memberi hak milik tanah di kawasan taman industri kepada PDC secara pegangan bebas *(freehold)* dan kita akan pajakkan kepada para pelabur dengan tempoh maksimum selama 30 tahun.

"Dengan cara ini, kita boleh kurangkan harga dan pada masa sama PDC dapat menampung kerugian selain mendapat keuntungan dalam jangka masa panjang," ujarnya.

Selain itu, tambah Aziz, PDC juga merancang untuk memasukkan pelbagai komponen ke dalam pembangunan kawasan industri baru seperti parkir berpusat serta penggunaan tenaga solar untuk menjana pendapatan.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# pendekatan baru
## mampan, beri pulangan



AZIZ Bakar.

"Banyak komponen yang kita cuba masukkan supaya ada penempatan berterusan dan ini merupakan perkara baru yang belum pernah kita laksanakan sebelum ini.

"(Dan) apabila kita berbincang dengan syarikat multinasional (MNC), mereka menerima baik idea-idea sebegini, malah menjadi salah satu faktor pertimbangan sekiranya mereka mahu membuat sesuatu pelaburan.

"Sebab itulah PDC perlu menjadi lebih kreatif dalam menjalankan perniagaan kerana keadaan sekarang sudah berubah ditambah pula dengan persaingan yang semakin hebat," katanya.

### Kekurangan tanah

Mengulas lanjut, menurut Aziz, salah satu cabaran yang terpaksa dihadapi oleh sebuah negeri kecil yang berkembang maju seperti Pulau Pinang adalah masalah kekurangan tanah terutamanya bagi sektor perindustrian.

Oleh itu kata beliau, cara terbaik adalah dengan melaksanakan pembangunan semula kawasan-kawasan lama yang mana perkara itu telahpun dibangkitkan dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

"PDC sedar bahawa Pulau Pinang berdepan dengan cabaran tanah terhad serta harga tanah yang tinggi berbanding negeri-negeri lain seperti Kedah dan Perak.

"Jika kita lihat semula pembangunan yang dilaksanakan pada era tahun 70-an seperti di Bayan Baru dan Seberang Jaya, kita dapat lihat bahawa kawasan ini kurang kondusif kerana telah usang serta tidak selesa untuk didiami.

"Kawasan-kawasan perindustrian dahulu seperti di Perai dan Mak Mandin juga dilihat tidak begitu sesuai dengan kemajuan teknologi baru pada masa kini.

"Banyak pencemaran berlaku selain penggunaan tanah yang intensif, teknologi pengeluaran yang rendah serta masih menggunakan tenaga buruh yang ramai.

"Oleh hal demikian, pembangunan semula merupakan opsyen terbaik bagi mengatasi masalah-masalah ini," ulasnya.

Aziz berkata sehingga Disember 2021, PDC masih mempunyai lebih 5,000 ekar 'bank tanah' dalam pelbagai kategori guna tanah semasa untuk proses pembangunan dan perancangan masa hadapan.

"Sebahagian besarnya terdapat di Seberang Perai Selatan (4,000 ekar), daerah Timur Laut (780 ekar) dan Seberang Perai Tengah (280 ekar), daerah Barat Daya (120 ekar) dan selebihnya adalah baki tanah di kawasan pusat pentadbiran dekat Seberang Perai Utara," jelasnya lanjut.

### Taman teknologi baru

Aziz berkata, 'bank tanah' yang ada pada PDC buat masa ini mencukupi untuk ditawarkan kepada pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Taman Perindustrian Batu Kawan seluas 1,000 ekar sudah hampir habis terjual, dan kita dalam proses membuka taman teknologi baru iaitu Bandar Cassia Technology Park (BCTP) seluas 300 ekar.

"Pada masa sama, PDC juga sedang giat merancang untuk membangunkan Taman Perindustrian Timur Batu Kawan seluas 600 ekar.

"Jadi untuk tempoh 10 tahun ini bagi PDC tidaklah mendesak tetapi kita tetap perlu mencari kawasan perindustrian baru termasuk tanah 2,000 ekar berhampiran Batu Kawan bagi pembangunan masa hadapan," ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa PDC juga sedang meneroka kerjasama dengan syarikat swasta seperti pemilik estet di kawasan Tasek Gelugor untuk pembangunan taman perindustrian baharu.

"Sebagai pemangkin pembangunan, PDC akan masuk ke kawasan yang tidak dibangunkan untuk melaksanakan pembangunan semula sebagaimana yang dilakukan di Bayan Baru, Seberang Jaya dan Batu Kawan.

"Setakat ini, kita sudah ada perbincangan dengan pemilik tanah di Jarak (Tasek Gelugor) untuk projek pembangunan baru di atas tanah seluas kira-kira 1,000 ekar.

"Sekiranya perancangan ini berjaya, kita mampu menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk di Seberang Perai Utara yang kini tertumpu kepada sektor pertanian," katanya sambil menambah bahawa pembinaan kawasan perindustrian memerlukan kos yang sangat tinggi.

### Projek *Waterfront*

Ditanya mengenai status pembangunan *'Waterfront'*, Aziz menjelaskan bahawa bahawa projek yang merangkumi kawasan seluas 150 ekar dari Queensbay ke Jambatan Kedua itu masih lagi berjalan.

"Projek ini terbahagi kepada dua iaitu pakej pertama yang merangkumi kira-kira 20 ekar yang mana satu perjanjian tebus guna telah ditandatangani bersama penender yang berjaya bagi membangunkan kawasan perumahan.

"Pakej kedua pula merangkumi kira-kira 150 ekar yang mana satu memorandum persefahaman (MoU) sudah ditandatangani dengan sebuah syarikat yang tersenarai dalam bursa saham pada 17 Januari 2022.

"Melalui MoU ini, kita berikan tempoh enam bulan kepada syarikat berkenaan untuk menyediakan pelan induk dan sekiranya mereka bersetuju maka kita akan memuktamadkan perjanjian pembangunan bersama," ulasnya.

Tambah Aziz, projek tersebut bakal mengambil masa 10 tahun untuk dibangunkan sepenuhnya dengan mengambil kira proses kelulusan pelan pembangunan, penilaian kesan alam sekitar dan syarat-syarat yang berkaitan dengannya.

"Selain itu, kerja-kerja menebus guna laut akan jalankan terlebih dahulu seterusnya barulah kerja-kerja pembangunan dapat dimulakan.

"Perincian mengenai projek ini tidak dapat dijelaskan pada peringkat ini tetapi secara umumnya ia akan terdiri daripada bangunan pejabat, pusat konvensyen, komersial, hotel dan pusat R&D.

"Saya berpendapat projek ini akan menjadi pembangunan ikonik bagi negeri Pulau Pinang," jelasnya.

### Projek Komtar Walk

